



PENDAHULUAN	
Hasil Pembelajaran <ul style="list-style-type: none"> Mengetahui konsep dan kategori akhlak Mengaplikasikan pembinaan dan pementapan akhlak Mengenal pasti cabaran dan cara penyelesaiannya dalam pembentukan akhlak 	Kandungan <ol style="list-style-type: none"> Akhlak dalam Pembentukan Jati Diri Muslim <ol style="list-style-type: none"> Pengertian akhlak Kategori dan skop akhlak Pembinaan dan pementapan akhlak Cabaran dan penyelesaian dalam pembentukan akhlak



- PERANAN AKHLAK DALAM KEHIDUPAN**
- Akhlak **dihubungkan dengan tujuan risalah Islam** atau antara perutusan utama Nabi Muhammad saw. *"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."* - menunjukkan pentingnya kedudukan akhlak dalam Islam.
 - Akhlak **menentukan kedudukan seseorang di akhirat** nanti yang mana akhlak yang baik dapat memberatkan timbangan amalan yang baik. Begitu pula sebaliknya. Sabda Nabi Muhammad saw yang bermaksud: *"Tiada sesuatu yang lebih berat dalam daun timbangan melainkan akhlak yang baik."*
 - Akhlak dapat **menyempurnakan keimanan** seseorang mukmin. Sabda Nabi Muhammad saw yang bermaksud: *"Orang mukmin yang paling sempurna keimannya adalah yang paling baik akhlaknya."*

PERANAN AKHLAK DALAM KEHIDUPAN

Keperluan Akhlak dalam Kehidupan Manusia

- Akhlak merupakan **garis pemisah** antara yang berakhlak dengan orang yang tidak berakhlak. Akhlak juga merupakan roh Islam yang mana agama tanpa akhlak samalah seperti jasad yang tidak bernyawa.
- Oleh itu antara misi yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw ialah membina kembali akhlak manusia yang telah runtuh sejak zaman para nabi yang terdahulu ekoran penyembahan berhala oleh pengikutnya yang telah menyeleweng.

PERANAN AKHLAK DALAM KEHIDUPAN

- Akhlak juga merupakan nilai yang **menjamin keselamatan daripada api neraka**. Islam menganggap mereka yang tidak berakhlak tempatnya dia dalam neraka.
- Seseorang itu melakukan maksiat, **menderhaka kepada ibu bapa**, melakukan kezaliman dan sebagainya, sudah pasti Allah akan menolaknya daripada menjadi ahli syurga.

PERANAN AKHLAK DALAM KEHIDUPAN

7

- Selain itu, akhlak juga merupakan ciri-ciri kelebihan di antara manusia kerana ia **lambang kesempurnaan iman**, ketinggian takwa dan kealiman seseorang manusia yang berakal.
- Dalam hal ini Nabi Muhammad saw bersabda: *"Orang yang sempurna imannya ialah mereka yang paling baik akhlaknya."*

PERANAN AKHLAK DALAM KEHIDUPAN

8

- Kekalnya sesuatu ummah juga kerana kukuhnya akhlak** dan begitulah juga runtuhnya sesuatu ummah itu kerana lemahnya akhlaknya.
- Kisah-kisah sejarah dan tamadun manusia melalui al-Quran seperti kisah kaum Lut, Samud, kaum Nabi Ibrahim, Bani Israel dan lain-lain.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

9

Pemantapan Akhlak

- Akidah yang mantap
- Kepatuhan syariah
- Pelaksanaan ibadah

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

10

Akidah yang Mantap

- Akidah dalam Islam membentuk keseluruhan peribadi dan akhlak seorang Muslim.
- Konsep tauhid uluhiyyah misalnya, menggariskan bahawa segala sesuatu yang wujud datang dari Allah SWT.
- Oleh itu semestinya manusia melakukan segala perbuatannya kerana Allah. Mentaati, mencintai, berlindung dan berharap kepada selain Allah SWT secara mutlak bermakna mensyirikkan Allah SWT.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

11

- Konsep Ubudiyah menggariskan bahawa manusia hidup sebagai hamba Allah SWT.
- Seorang muslim sejati akan mendedikasikan hidupnya untuk mencari keredhaan Allah SWT semata-mata.
- Menghambakan diri pada Allah bererti menjalankan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya.
- Segala perbuatan yang dilakukan oleh seorang muslim tanpa mengira siapa (pekerjaan) dan apa perkara yang dibuat akan bernilai ibadah seandainya dia ikhlas dan mengikut petunjuk syariah.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

12

- Setelah akidah membentuk keseluruhan peribadi seorang Muslim, maka jati diri seseorang itu akan berubah dan menjadi orang yang lebih baik dan bertanggungjawab.
- Seorang muslim yang sejati akan bersikap amanah, berdisiplin, adil terhadap orang lain dan dirinya sendiri, melaksanakan amr bil makruf dan nahyu anil munkar dan sebagainya.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

13

Kepatuhan Syariah

- Diri manusia memerlukan amal atau perbuatan yang selaras dan menepati dengan kehendak akidah. Kehendak dan kemahuan akidah itu dijelmakan dalam bentuk syariah yang merangkumi semua disiplin, peraturan dan perundangan yang mesti dipatuhi, diikuti dan dilaksanakan oleh manusia dalam semua kegiatan hidup yang merangkumi semua aspek kehidupan.



PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

14

- Sama ada kegiatan hidup itu merupakan gerak laku amalan atau gerak laku perbuatan yang berhubung antara manusia dengan Tuhannya, berhubung sesama manusia dalam semua lapisan dan peringkatnya dan berhubung antara manusia dengan alam sekeliling.
- Melalui ikatan, kawalan dan panduan syariah akan terciptalah suatu corak kehidupan yang selaras dengan kehendak Allah SWT.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

15

Pelaksanaan Ibadah

- Pelaksanaan ibadah merupakan amalan-amalan yang membuktikan kematapan akhlak yang dimiliki oleh seseorang individu. Akhlak Islam bertunjangan akidah. Sebab itulah ia mempunyai asas yang kukuh kepada keimanan, kekuasaan Allah SWT, qada' dan qadar, dosa dan pahala, ganjaran baik dan balasan jahat di akhirat dan sebagainya.
- Akhlak yang baik yang disarankan oleh Al-Quran banyak sekali seperti iman, takwa, ikhlas, sabar, amanah, zuhud, adil, suka menolong, suka memaafkan, pemurah dan sebagainya.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

16

- Sikap, adab atau akhlak baik yang ada pada seseorang pelajar akan menjamin kejayaan di dunia dan di akhirat.
- Ini bermakna dengan memiliki akhlak mulia seseorang pelajar akan mencipta kejayaan demi kejayaan dalam bidang akademik, perhubungan dengan masyarakat, memahami alam sekitar, cemerlang dalam kerjaya dan membawa kebahagiaan di akhirat.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

17

- Ini semua adalah akhlak-akhlak mahmudah yang ditonjolkan melalui ruanglingkup amalan ibadah yang begitu luas mencakupi berbagai aspek dunia dan akhirat.

Pelaksanaan ibadah yang mantap adalah hasil gabungan pengetahuan, keterampilan, pola-pola tingkahlaku, sikap, nilai-nilai dan kebiasaan yang terkandung dalam tujuan umum pendidikan Islam akan dapat menumbuhkan semangat agama dan akhlak.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

18

- Antara aspek-aspek pelaksanaan ibadah yang membawa kepada pembinaan dan pemantapan akhlak:

Ilmu pengetahuan, didikan dan latihan	Penghayatan Al-Quran	Resul Sebagai Qudwah Hasanah
Cantahi Sahabat dan Ulama	Muhasabah Diri	Tarbiyah Ruhiah
Tazkiyah al-Nafs	Mujahadah	

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK



19

Ilmu pengetahuan, didikan dan latihan

- Pendidikan juga dilihat sebagai usaha membangunkan insan bertanggungjawab, insan proaktif, insan yang sadar diri akan status, kedudukan, amanah dan tugasnya sebagai hamba dan khalifah Allah.
- Melalui pendidikan seseorang itu mempunyai gambaran yang jelas mengenai arah tuju dan matlamat hidupnya.
- Pendidikan mampu menjadikan seseorang itu berakhlak mulia.
- Manakala amalan yang dilakukan secara berterusan akan menjadi suatu kebiasaan dan latihan dalam mempraktikkan akhlak mulia.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK



20

Penghayatan Al-Quran

- Al Quran adalah Kalamullah (Perkataan Allah) yang diwahyukan kepada Nabi Muhamad SAW untuk disampaikan kepada seluruh manusia.
- Di dalamnya terkandung risalah (ajaran) Islam yang merangkumi konsep ketuhanan, sistem perundangan Islam, pengetahuan tentang alam ghaib seperti malaikat dan hari pembalasan, asas perundangan, sistem moral, fakta-fakta sains, sejarah manusia dan lain-lain lagi.
- Sebagai Kalamullah, maka tidak ada suatuupun yang lebih mulia di muka bumi ini selain dari Al-Quran.



PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK



21

- Al-Quran telah dan akan terus membimbing manusia untuk mencapai kesempurnaan dalam kehidupan.
- Al-Quranlah yang telah mencorakkan hidup orang Islam.
- Tidak ada kitab yang setanding dengannya kerana kandungannya yang menyeluruh.
- Di dalamnya terdapat panduan hidup yang sempurna.
- Bagi orang Islam yang mempercayai Al-Quran dengan penuh keyakinan akan mendapatinya sebagai sumber ilham yang tidak ada habisnya.
- Al-Quran mengajar manusia menjadi yang sepatutnya dikehendaki oleh Allah SWT serta berakhlak mulia.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK



22

Rasul sebagai Qudwah Hasanah

- Bagi manusia di zaman ini Allah S.W.T telah megutuskan kepada kita seorang Nabi untuk menjadi teladan yang terbaik.
- Tidak ada manusia yang paling sempurna sepertinya dalam sejarah kehidupan manusia.
- Dialah manusia yang teragung.
- Semua perbuatan, percakapan dan pandangannya terhadap sesuatu telah dicatitkan dan dibukukan sebagai Hadith atau Sunah Nabi Muhammad s.a.w.



PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK



23

- Riwayat hidup Nabi Muhammad S.A.W (Sirah Nabawiyah) juga dibukukan. Baginda adalah teladan yang terbaik bagi manusia dalam segala bidang kehidupannya. Nilai yang ditentukan oleh Islam yang menzahirkan akhlak mulia ialah seperti yang telah dicerminkan oleh Nabi Muhammad S.A.W.
- Semua Rasul tidak mempunyai sifat buruk, keji dan hina seperti tamak haloba, khianat, penipu dan mementingkan diri sendiri dengan kemewahan dan kekayaan.
- Sifat-sifat buruk tidak menjadi sifat para Rasul kerana mereka tidak mengharap dan memerlukan balasan, upah, ganjaran, penghormatan dan sanjungan dari manusia secara individu dan masyarakat, dalam melaksanakan tugas-tugas kerasulan.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK



24

Contohi Sahabat dan Ulama

- Sifat, sumbangan dan kisah-kisah sahabat yang mempraktikkan apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w banyak tercatat dalam buku-buku sejarah.
- Membaca buku sejarah para sahabat dan juga ulama supaya dia dapat melihat kesan-kesan dari keindahan sejarah, keutamaan budi dan perilaku mereka.
- Rasulullah bersabda: "Para sahabatku laksana bintang-bintang, dan dengan siapa saja di antara mereka yang kamu pilih untuk mendapat petunjuknya, nescaya kamu akan tertunjuk."



PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

25


Muhasabah Diri

- Di antara tanda-tanda jiwa yang beriman, menjauhi maksiat dan takut adalah sentiasa menghitung setiap perbuatan dan pekerjaannya, baik yang nampak mahupun tidak. Hal itu dilakukan agar berasa yakin bahawa jiwanya ini berjaln di atas jalan yang lurus yang telah ditentukan batas-batasnya oleh Al-Quran.
- Muhasabah nafs adalah seseorang yang melakukan perhitungan terhadap dirinya selangkah demi selangkah, tentang amal-amalnya, tingkah laku dan perbuatannya, baik yang nampak mahupun yang tidak, sehingga sedar perihal urusan dirinya sendiri dalam kerangka yang disyaratkan, dan dengan kemahuan sendiri meluruskan nafsnya apabila didapati penyimpangan.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

26

- Muhasabah nafs dilakukan baik sebelum melakukan suatu perbuatan mahupun setelah melakukannya pada setiap waktu dan kesempatan. Tujuannya adalah agar jiwanya merasa tenang bahawa segala perbuatan yang dilakukan itu sesuai dengan syariat Allah.
- Apabila dalam perbuatan itu terdapat kekurangan atau kesalahan maka hendaklah segera diperbetulkan. Dia juga harus selalu beristighfar, menyesal, bertaubat dan kembali kepada Allah.
- Menjadi kewajiban bagi seseorang Mukmin untuk melakukan perhitungan terhadap dirinya dan menilai amalnya.



PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

27

Ubat HATI ADA 5 PERKARA

Baca Al-Quran Dan Maknanya... + Solat 5 Waktu + Berkumpullah Dengan Orang Beriman... + Perbanyakkanlah Berpuasa... + Zikir Malam... Berpanjanglah...



PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

28

Tarbiyah Ruhiah

- Rohani atau keinsanan manusia adalah sumber kebahagiaan dan kecelakaan hidup seseorang.
- Rohanilah yang memandu dan mengawas segala anggota badan kasar seseorang baik kepada kebajikan mahupun kepada kejahatan.
- Sebab itulah **mendidik roh atau jiwa** adalah sesuatu amalan yang berat dan sukar. Kesukaran ini dapat diatasi dengan menggunakan pembimbing rohani yang terpenting iaitu iman dan keyakinan kepada Allah S.W.T yang dipupuk dan disuburkan dengan ilmu pengetahuan yang berguna dan amalan soleh.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

29

Proses tarbiyah ruhiyah ini telah digariskan oleh **Imam al-Ghazali** melalui beberapa adab yang perlu diamalkan oleh pelajar. Antaranya:

- Setiap pelajar haruslah menyemaikan niat yang baik selama mana ia menuntut ilmu. Ini bagi menghindari daripada akhlak yang buruk.
- Memberi perhatian yang serius atau komited dengan proses pembelajaran.
- Menghormati segala ajaran guru.
- Mendahulukan mempelajari ilmu yang lebih memberi manfaat.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

30

- Menumbuhkan kesedaran yang betul pada diri pelajar terhadap agama termasuk prinsip-prinsip dan dasar-dasar akhlak yang mulia.
- Menanam keimanan kepada Allah pencipta alam dan kepada malaikat, rasul-rasul, kitab-kitab dan Hari Akhirat.
- Memperkenalkan akidah Islam, dasar-dasarnya, asal usul ibadat dan cara-cara melaksanakannya dengan betul, dengan membiasakan mereka berhati-hati mematuhi akidah-akidah agama, menjalankan dan menghormati syiar-syiar agama.
- Menumbuh minat pada generasi muda untuk menambah pengetahuan dalam adab dan pengetahuan keagamaan dan untuk mengikuti hukum-hukum agama dengan kecintaan dan kerelaan.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

31

- Menanam rasa cinta dan penghargaan kepada Al-Quran, membacanya dengan baik, memahaminya dan mengamalkan ajaran-ajarannya.
- Menumbuhkan rasa bangga terhadap sejarah dan kebudayaan Islam.
- Menumbuhkan rasa rela, optimis, kepercayaan diri, tanggungjawab, menghargai kewajiban, tolong menolong atas kebaikan dan taqwa, kasih sayang, cinta kebaikan, sabar dan berjuang untuk kebaikan.



PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

32

- Mendidik naluri, motivasi dan keinginan generasi muda dan menguatkannya dengan akidah dan nilai-nilai.
- Menanamkan iman yang kuat kepada Allah, perasaan keagamaan dan akhlak pada diri mereka.
- Membersihkan hati mereka dari rasa dengki, hasad, iri hati, benci, kezaliman, keegoan dan perselisihan.



PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

33

Tazkiyah al-Nafs

- Keutamaan membangunkan manusia seutuhnya dalam pandangan Islam adalah fokus utama dan pusat kepada pembangunan.
- Dalam istilah sufi (tasawuf) pembangunan manusia ini disebut sebagai membangunkan peribadi insan sehingga mencapai tingkat dan darjat kesempurnaan manusia.
- Tanpa pembangunan manusia ini, pembangunan-pembangunan lain termasuklah pembangunan ekonomi akan turut gagal, sebab pembangunan peribadi manusia adalah akar umbi yang penting dalam menentukan jatuh bangunnya masyarakat dan pembangunan negara.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

34

- Dengan sebab inilah maka perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada aspek pembangunan kerohanian atau jiwa manusia itu dalam sesuatu perancangan pembangunan.
- Jiwa yang dikurniakan kekuatan akan melakukan kebaikan semasa hidup. Jiwa yang baik akan membawa kejayaan dan jiwa yang buruk akan membinasakan.
- Jelasnya jiwa (diri) manusia itu perlu disucikan terlebih dahulu sebelum melangkah ke bidang pembangunan kebendaan yang lain. Andainya jiwa manusia itu telah suci, maka barulah aspek-aspek pembangunan yang akan mengikuti seterusnya akan terpelihara.

PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

35



PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN AKHLAK

36

Mujahadah

- Al-Mujahadah, sama dengan al-Jihad, iaitu pengorbanan segala bentuk kesenangan ke jalan Allah serta memerangi musuh-Nya.
- Beranggapan bahawa nafsu adalah musuh utama yang berperanan menjerumuskan insan ke arah kehancuran serta menjauhkan mereka daripada agamanya.
- Mujahadah merupakan usaha melawan nafsu syahwat untuk terus berada dalam keadaan penghayatan Islam. Petunjuk jalan menuju Allah s.w.t adalah hasil mujahadah.
- Mujahadah akan berkesan apabila seseorang itu dibesarkan dalam suasana akhlak Islam.

CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

37

- Oleh kerana pembangunan fizikal lebih pantas daripada proses pembinaan akhlak, maka para pelajar akan terarah kepada keruntuhan akhlak.
- Insan yang runtuh akhlaknya ialah insan yang kabur tentang hakikat dan tujuan hidup serta membentuk gaya hidup yang bebas daripada nilai dan norma keagamaan.
- Negara yang pesat membangun seperti Malaysia mempunyai banyak elemen-elemen keruntuhan akhlak lebih-lebih lagi terdedah dengan globalisasi.

CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

38

- Arus kemodenan ini akan menyebabkan golongan muda khususnya tenggelam dalam arus pembangunan.
- Terdapat juga mengamalkan perlakuan yang ganjil dan tidak normal.
- Terdapat juga yang berada di antara dua persimpangan. Pertama: perlakuan yang baik, berakhlak dan berdisiplin yang sesuai dengan budaya dan ajaran agama. Kedua: menuju ke alam mimpi, angan-angan dan kerosakan yang dicituskan oleh pembangunan yang terlalu pantas.
- Mujahadah mampu menentang elemen kedua.

CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

39

Cikatro' gejala terbaru gadis bawah umur
Seksi getik, berani

CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

40

Tidak berminat dengan pelajaran
Pengaruh persekitaran
Pengaruh rakan sebaya
Remaja 'talok' akibat hidup gem berlebihan

CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

41

CABARAN LUARAN

- Masalah keruntuhan akhlak, menjadi tajuk perbincangan yang cukup hangat kebelakangan ini. Akhbar-akhbar tempatan tidak putus-putus mencatatkan rekod perlakuan manusia yang mencerminkan keruntuhan dan kebankrapan moral mereka terutama dalam kalangan remaja sampailah kepada orang dewasa.
- Remaja dengan tabiat lepak, berpelesenan sampailah kepada pembuangan anak, dan orang dewasa pula dengan tabiat pecah amanah, suka mendera sampailah kepada sumbang mahram.

CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

42

- Semua itu merupakan tabiat-tabiat akhlak buruk yang tidak wajar dilakukan oleh manusia yang benar-benar faham tentang mesej kehadriran mereka di alam ini.
- Mereka sebenarnya tergelincir daripada landasan kemanusiaan yang dikehendaki oleh agama mereka.
- Hal ini tentunya berkait rapat dengan persoalan kefahaman Islam yang tidak selesai sebagaimana yang dicatatkan di atas



CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

- Cabaran globalisasi melalui teknologi maklumat dan multimedia merupakan alat ampuh kepada penularan penjajahan pemikiran (*al-ghazwul-fikri*) yang meletakkan minda dan jiwa umat Islam tercengkam dengan pengaruh asing dan pada masa yang sama menanamkan rasa pendewaan terhadap Barat.
- Dalam Al-Quran tercatat penyalahgunaan yang dilakukan oleh kaum Nabi Lut A.S, yang akhirnya mereka terpaksa membayar dengan harga yang cukup mahal, iaitu kebinasaan mereka sendiri.

CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

- Pengabaian pendidikan terhadap remaja mengakibatkan kelahiran pelbagai gejala sosial seperti gejala lepak, tidak minat belajar, tidak kisah, lari dari rumah, penyalahgunaan dadah, pil ekstasi, penagihan arak, homoseksual/lesbian, AIDS/ HIY positif, LGBT, pengguguran anak, pembuangan anak, gejala punk, skin head, berjudi, lumba haram, samseng sekolah, vandalisme dan pelbagai jenayah juvana.

CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

- Hal ini boleh dilihat dari dengan **lemahnya pegangan iman**, hilangnya pengaruh ibu-bapa, kebergantungan mereka kepada **pengaruh rakan sebaya** yang tidak mampu berfikir dengan waras dan terpaksa hidup dalam suasana masyarakat yang penuh dengan budaya mungkar.
- Kesan gejala sosial kepada agama, bangsa dan negara begitu besar sekali, masyarakat menjadi kacau bilau, porak-peranda dan sengsara. Remaja menjadi tidak berharga dan hilang nilai individu. Kestabilan negara implikasi dari gejala sosial semestinya menggugat masa depan agama, bangsa dan negara



CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

CABARAN DALAMAN

- Apabila individu berada dalam keadaan **akidah yang lemah** dan kejahilan tentang ajaran agama kita, maka mudahlah mereka diresapi oleh pengaruh-pengaruh luar yang menyerang umat Islam melalui pelbagai cara dan taktik.
- Kedudukan akidah yang paling asas dan terpenting dalam pembinaan tamadun kemanusiaan dan kepincangan akidah bererti kemusnahan segala-galanya.

CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

49

- Kebanyakan masyarakat Melayu moden telah dikesan mengidap penyakit psikologi yang agak kronik, gelisah dan hilang pertimbangan akal yang kemudiannya telah menyebabkan berlaku pelbagai tindakan buruk seperti bunuh diri, menagih dadah dan arak, murtad, LGBT dan mengamalkan seks bebas.
- Kajian ini mendapati punca utama penyakit gelisah ini adalah akibat dari tindakan tidak menuruti kehendak agama seperti **meninggalkan kewajipan solat lima waktu**. Ini adalah hasil dari kelemahan iman kepada Allah dan tidak adanya penyerahan diri secara mutlak kepada Allah s.w.t.
- Setiap manusia yang tidak mengikut apa yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t bererti mereka telah mengikut hawa nafsu.

CABARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK

50


Bukan emas permata yang mempercantikkan anda, melainkan yang mempercantikkan anda adalah akhlak anda dan kekayaan anda adalah etika anda.



www.Islam.com

Aktiviti Bertulis 8

51



Mana soalan ni?

- Berkumpulan
- 15 minit sahaja